



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PAHANG**

Tingkat 1&5, Wisma Persekutuan  
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR  
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000

Faks : 609-516 4931

Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

**SEGERA**

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/2/22 JLD 3 (38)

Tarikh : 14 November 2022

**Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Di bawah seliaan JANM Pahang**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**TAKLIMAT PENUTUPAN AKHIR TAHUN (PAT) KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2022 KEPADA  
SEMUA PTJ DI BAWAH SELIAAN JANM PAHANG**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan, sebagai persediaan dan kelancaran Penutupan Akhir Tahun Akaun Kerajaan Persekutuan 2022, semua PTJ adalah dijemput untuk menghadiri sesi taklimat seperti ketetapan berikut:

**Tarikh : 23 November 2022 ( Rabu )  
Masa : 8.00 pagi – 1.00 petang  
Tempat : Auditorium RTM Pahang  
Kompleks Penyiaran Sultan Haji Ahmad Shah  
Kemunting, Kuantan, Pahang**

3. PTJ adalah dibenarkan untuk menghantar **2 orang wakil** yang mana pegawai tersebut adalah terlibat secara langsung di dalam proses Penutupan Akaun Tahun Kewangan 2022. Kehadiran bagi semua yang terlibat adalah **diwajibkan**. Dipohon Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan untuk mengemukakan pengesahan kehadiran kepada jabatan ini **sebelum/pada jam 12.00 tengahari 16 November 2022 (Rabu)** melalui pautan di portal JANM Pahang.

4. Bersama-sama ini juga dikemukakan Senarai PTJ (**Lampiran A**) dan Tentatif program (**Lampiran B**) untuk rujukan Y.Bhg.Dato'/Tuan/Puan. Sebarang pertanyaan berkenaan taklimat ini, Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi JANM Pahang di talian 09-591 5021/5022/5026/5029/5024/5027.

5. Kerjasama dan perhatian YBhg.Dato'/Tuan/Puan, berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, harap maklum

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"**

Saya yang menjalankan amanah,

(**BURHANUDIN BIN MOHD NOOR C.A.(M)**)

Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Pahang